Panduan Pengguna

Dwi Jalur RT-AC87U

Penghala 4x4 Wayarles-AC 2400 Gigabit



IN SEARCH OF INCREDIBLE

MY8971
Boleh 2014

Hak cipta © 2014 ASUSTeK COMPUTER INC. Hak Cipta Terpelihara.

Tiada bahagian daripada manual ini, termasuk produk dan perisian yang diterangkan di dalamnya boleh dikeluarkan semula, dipindahkan, ditranskrip, disimpan dalam sistem pengambilan, atau diterjemah ke dalam sebarang bahasa dalam sebarang bentuk atau apa-apa kaedah, kecuali dokumentasi yang disimpan oleh pembeli untuk tujuan sandaran, tanpa kebenaran tersurat bertulis ASUSTeK COMPUTER INC. ("ASUS").

Waranti atau perkhidmatan produk tidak akan dilanjutkan jika: (1) produk dibaiki, diubah suai atau diubah, melainkan pembaikian, pengubahsuaian atau pengubahan itu dibenarkan secara bertulis oleh ASUS; atau (2) nombor siri produk itu rosak atau hilang.

ASUS MENYEDIAKAN MANUAL INI "SEPERTI SEBAGAIMANA ADA" TANPA SEBARANG JAMINAN DALAM SEBARANG BENTUK, SAMA ADA TERSURAT ATAU TERSIRAT, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA WARANTI YANG DIKENAKAN ATAU SYARAT KEBOLEHDAGANGAN ATAU KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU. ASUS, PARA PENGARAH, PEGAWAI, PEKERJA ATAU AGENNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB DALAM APA-APA KEADAAN SEKALIPUN DI ATAS SEBARANG KEROSAKAN TIDAK LANGSUNG, KHUSUS, IRINGAN ATAU LANJUTAN (TERMASUK KEROSAKAN DI ATAS KERUGIAN HASIL, KERUGIAN PERNIAGAAN, KERUGIAN PENGGUNAAN ATAU DATA, GANGGUAN PERNIAGAAN DAN YANG SAMA DENGANNYA), WALAUPUN JIKA ASUS TELAH DINASIHATKAN TENTANG KEMUNGKINAN KEROSAKAN TERSEBUT YANG TIMBUL DARIPADA SEBARANG KEROSAKAN ATAU RALAT DI DALAM MANUAL ATAU PRODUK INI.

SPESIFIKASI DAN MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DI DALAM MANUAL INI DISEDIAKAN UNTUK PEMBERITAHUAN SAHAJA DAN TERTAKLUK PADA PERUBAHAN PADA BILA-BILA MASA TANPA NOTIS DAN TIDAK BOLEH DITAFSIRKAN SEBAGAI KOMITMEN OLEH ASUS. ASUS TIDAK AKAN MENANGGUNG TANGGUNGJAWAB ATAU LIABILITI UNTUK SEBARANG RALAT ATAU KETIDAKTEPATAN YANG MUNGKIN MUNCUL DALAM MANUAL INI, TERMASUK PRODUK DAN PERISIAN YANG DIJELASKAN DI DALAMNYA.

Nama produk dan korporat yang muncul di dalam manual ini mungkin atau mungkin bukan tanda dagangan atau hak cipta berdaftar bagi syarikatnya masing-masing, dan hanya digunakan untuk pengenalpastian atau penerangan dan untuk faedah pemilik, tanpa niat untuk melanggar.

Table of contents

1 Mengenali penghala wayarles anda

1.1 Selamat datang! 6
1.2 Kandungan pakej 6
1.3 Penghala wayarles anda 7
1.4 Menetapkan kedudukan penghala anda 9
1.5 Keperluan Penyediaan 10
1.6 Penyediaan Penghala 11
1.6.1 Sambungan berwayar 11
1.6.2 Sambungan wayarles 12

2 Bermula

2.1 Melog masuk ke GUI web 14
2.2 Persediaan Internet Cepat (QIS) dengan pengesanan auto 15
2.3 Menyambung ke rangkaian wayarles anda 19

3 Mengkonfigurasi Tetapan Am

3.1 Menggunakan Peta Rangkaian 20
3.1.1 Menyediakan keselamatan wayarles 21
3.1.2 Menguruskan klien rangkaian anda 22
3.1.3 Memantau peranti USB anda 23
3.2 Mencipta Rangkaian Tetamu anda 26
3.3 Menggunakan Pengurus Trafikr 28
3.3.1 Menguruskan Jalur Lebar QoS (Kualiti Perkhidmatan) 28
3.3.2 Memantau Trafik 31
3.4 Menyediakan Kawalan Ibu Bapa 32
3.5 Menggunakan Aplikasi USB 33
3.5.1 Menggunakan AiDisk 33
3.5.2 Menggunakan Pusat Pelayan 35

Table of contents

3.5.3 3G/4G 41

3.6 Menggunakan AiCloud 43

3.6.1 Cakera Awan 44

3.6.2 Akses Pintar 46

3.6.3 Segerak Pintar 47

4 Mengkonfigurasikan Tetapan Lanjutan

4.1 Wayarles 48

4.1.1 Umum 48

4.1.2 WPS 51

4.1.3 Penghubung 53

4.1.4 Penapis MAC Wayarles 55

4.1.5 Seting RADIUS 56

4.1.6 Profesional 57

4.2 LAN 59

4.2.1 IP LAN 59

4.2.2 Pelayan DHCP 60

4.2.3 Hala 62

4.2.4 IPTV 63

4.3 WAN 64

4.3.1 Sambungan Internet 64

4.3.2 Picu Port 67

4.3.3 Pelayan Maya/Pemajuan Port 69

4.3.4 DMZ 72

4.3.5 DDNS 73

4.3.6 Masuk Lalu NAT 74

4.4 IPv6 75

4.5 Pelayan VPN 76

4.6 Tembok Api 77

4.6.1 Umum 77

Table of contents

4.6.2 Penapis URL 77
4.6.3 Penapis kata kunci 78
4.6.4 Penapis Perkhidmatan Rangkaian 79
4.7 Pentadbiran 81
4.7.1 Mod Operasi 81
4.7.2 Sistem 82
4.7.3 Menatarkan perisian tegar 83
4.7.4 Tetapan Pemulihan/Penyimpanan/Memuat Naik 83
4.8 Log Sistem 84

5 Utiliti

5.1 Penemuan Peranti 85
5.2 Pemulihan Perisian Tegar 86
5.3 Menyediakan pelayan pencetak anda 87
5.3.1 ASUS EZ Printer Sharing 87
5.3.2 Menggunaka LPR untuk Berkongsi Pencetak 91
5.4 Download Master 96
5.4.1 Mengkofigurasikan tetapan muat turun Bit Torrent 97
5.4.2 Tetapan NZB 98

6 Menyelesai Masalah

6.1 Penyelesaian Masalah Asas 99
6.2 Soalan Lazim (FAQ) 102

Lampiran

Notis 112
Maklumat untuk menghubungi ASUS 126
Maklumat Talian Penting Global Rangkaian 127

1 Mengenali penghala wayarles anda

1.1 Selamat datang!

Terima kasih kerana membeli Penghala Wayarles ASUS RT-AC87U!

RT-AC87U yang ultra nipis dan bergaya menampilkan dwi jalur 2.4GHz dan 5GHz untuk penstriman HD wayarles serentak tidak sepadan; pelayan SMB, pelayan UPnP AV, dan pelayan FTP untuk perkongsian fail 24/7; keupayaan untuk mengendalikan 300,000 sesi; dan Teknologi Rangkaian Hijau ASUS, yang menyediakan sehingga 70% penyelesaian penjimatan kuasa.

1.2 Kandungan pakej

- ☑ Penghala wayarles RT-AC87U
- ☑ Penyesuai kuasa
- ☑ CD Sokongan (Manual)
- ☑ Kabel rangkaian (RJ-45)
- ☑ Panduan Mula Pantas

NOTA:

- Jika mana-mana daripada item ini rosak atau tiada, hubungi ASUS untuk membuat pertanyaan teknikal dan sokongan Rujuk kepada senarai Talian Penting Sokongan ASUS di bahagian belakang manual pengguna ini.
- Simpan bahan pembungkusan yang asal sekiranya anda inginkan perkhidmatan waranti pada masa hadapan seperti pembaikian atau penggantian.

1.3 Penghala wayarles anda



1	**Butang Hidup/Mati LED** Tekan butang ini untuk menghidupkan / mematikan LED.
2	**Butang Hidup/Mati WI-FI** Tekan butang ini untuk menghidupkan / mematikan sambungan Wi-Fi
3	**LED Kuasa** **Mati**: Tiada kuasa. **Hidup**: Peranti sudah sedia. **Berkelip perlahan**: Mod Penyelamat **Berkelip pantas**: WPS sedang diproses.
4	**LED 2.4GHz / LED 5GHz** **Mati**: Tiada isyarat 2.4GHz atau 5GHz. **Hidup**: Sistem wayarles sudah sedia. **Berkelip**: Menghantar atau menerima data melalui sambungan wayarles.
5	**LAN 1~4 LED** **Mati**: Tiada kuasa atau sambungan fizikal. **Hidup**: Mempunyai sambungan fizikal ke rangkaian kawasan setempat (LAN).
6	**WAN (Internet) LED** **Mati**: Tiada kuasa atau sambungan fizikal. **Hidup**: Mempunyai sambungan fizikal ke rangkaian kawasan luas (WAN).
7	**LED WPS** **Off (Mati):** Tiada sambungan WPS. **On (Hidup):** Sambungan WPS diwujudkan.
8	**Port USB 3.0** Masukkan peranti USB 3.0 seperti cakera keras atau pemacu kila USB ke dalam port ini. Masukkan kabel USB iPad anda ke dalam satu daripada port ini untuk mengecas iPad anda.

9	**Port USB 2.0** Masukkan peranti USB 2.0 seperti cakera keras atau pemacu kila USB ke dalam port ini.
10	**Butang WPS** Butang ini melancarkan Wizard WPS.
11	**WAN (Internet) port** Connect a network cable into this port to establish WAN connection.
12	**Port LAN 3~ 4** Sambung kabel rangkaian ke dalam port ini untuk membentuk sambungan LAN.
13	**Port LAN 1~ 2 Memasang port** Sambungkan dua kabel rangkaian ke dalam port ini untuk Pengagretan Pautan (Link Aggregation).
14	**Butang tetap semula** Butang ini menetap semula atau menyimpan sistem ke tetapan lalai kilang.
15	**Butang kuasa** Tekan butang ini menghidupkan atau mematikan sistem.
16	**Port Kuasa (DC-IN)** Masukkan adapter AC yang diletakkan bersama ke dalam port ini dan sambung penghala anda ke sumber kuasa.

NOTA:

- Hanya guna adapter yang disertakan bersama pakej anda. Menggunakan adapter lain boleh merosakkan peranti.
- **Spesifikasi:**

Adapter Kuasa DC	Output DC: +19V dengan arus maksimum 2.37A;		
Suhu Pengendalian	0~40°C	Penyimpanan	0~70°C
Kelembapan Operasi	50~90%	Penyimpanan	20~90%

1.4 Menetapkan kedudukan penghala anda

Untuk mendapatkan prestasi rangkaian wayarles yang terbaik daripada penghala wayarles anda, ikuti saranan di bawah:

- Letakkan penghala wayarles di tengah-tengah rangkaian anda untuk liputan wayarles yang maksimum.
- Pastikan peranti berada jauh dari sekatan logam dan jauh dari cahaya matahari langsung.
- Pastikan peranti berada jauh dari peranti Wi-Fi 802.11g atau 20MHz sahaja, persisian komputer 2.4GHz, peranti Bluetooth, telefon tanpa kord, pengubah, motor tugas berat, lampu pendarfluor, ketuhar gelombang mikro, peti sejuk, dan peralatan industri lain untuk menghalang gangguan atau kehilangan isyarat.
- Always update to the latest firmware. Visit the ASUS website at **http://www.asus.com** to get the latest firmware updates.
- Untuk memastikan penerimaan isyarat wayarles yang terbaik, letakkan empat antena boleh tanggal seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.



1.5 Keperluan Penyediaan

Untuk menyediakan rangkaian anda, anda perlukan satu atau dua komputer yang memenuhi keperluan sistem yang berikut:

- Port Ethernet RJ-45 (LAN)(10Base-T/100Base-TX/1000Base-TX)
- Keupayaan wayarles IEEE 802.11a/b/g/n/ac
- Perkhidmatan TCP/IP yang terpasang
- Penyemak imbas Web seperti Microsoft Internet Explorer, Firefox, Safari, atau Google Chrome

---

NOTA:

- Jika komputer tidak mempunyai keupayaan wayarles terbina dalam, pasang penyesuai IEEE 802.11a/b/g/n/ac WLAN pada komputer anda untuk menyambung kepada rangkaian.
- Dengan teknologi dwi jalur, penghala wayarles anda menyokong isyarat wayarles 2.4GHz dan 5 GHz secara serentak. Ini membenarkan anda untuk melakukan aktiviti berkaitan Internet seperti melayari Interet atau membaca/menulis mesej e-mel menggunakan jalur 2.4GHz sementara secara serentak strim fail audio/video berdefinisi tinggi seperti filam atau muzik menggunakan jalur 5GHz.
- Beberapa peranti IEEE 802.11n yang anda ingin sambung ke rangkaian anda mungkin menyokong atau tidak menyokong jalur 5GHz. Rujuk manual peranti untuk spesifikasi.
- Kabel Ethernet RJ-45 yang digunakan untuk menyambungkan peranti rangkaian tidak boleh melebihi 100 meter.

1.6 Penyediaan Penghala

PENTING!

- Gunakan sambungan berwayar semasa menyediakan penghala wayarles anda untuk mengelakkan isu penyediaan wayarles yang mungkin berlaku.
- Sebelum menyediakan penghala wayarles ASUS anda, lakukan yang berikut:
  - Jika anda sedang menggantikan penghala yang sedia ada, tanggalkannya daripada rangkaian anda.
  - Putuskan sambungan kabel/wayar dari modem anda yang sedia ada. Jika modem anda mempunyai bateri sandaran, tanggalkannya juga.
  - But semua komputer anda (disarankan).

1.6.1 Sambungan berwayar

NOTA: Penghala wayarles anda menyokong kedua-dua kabel tembus lalu atau silang atas semasa menyediakan sambungan berwayar.



Untuk menyediakan rangkaian menggunakan sambungan berwayar:

1. Masukkan penyesuai AC penghala wayarles anda ke port DC-In dan pasangkannya ke dalam alur keluar kuasa.

2. Menggunakan kabel rangkaian kelompok, sambungkan computer anda ke port LAN penghala wayarles anda.

PENTING! Pastikan bahawa LED LAN berkelip-kelip.

3 Menggunakan kabel rangkaian lain, sambungkan komputer anda ke port WAN penghala wayarles anda.

4. Masukkan penyesuai AC modem anda ke port DC-In dan pasangkannya ke dalam alur keluar kuasa.

1.6.2 Sambungan wayarles



Untuk menyediakan rangkaian wayarles anda:

1. Masukkan penyesuai AC penghala wayarles anda ke port DC-In dan pasangkannya ke dalam alur keluar kuasa.

2 Menggunakan kabel rangkaian kelompok, sambungkan modem anda ke port WAN penghala wayarles anda.

3. Masukkan penyesuai AC modem anda ke port DC-In dan pasangkannya ke dalam alur keluar kuasa.
4. Pasang penyesuai IEEE 802.11a/b/g/n/ac WLAN pada komputer anda.

NOTA:

- Untuk mendapatkan butiran mengenai menyambung kepada rangkaian wayarles, rujuk manual pengguna penyesuai WLAN.
- Untuk menyediakan tetapan keselamatan untuk rangkaian anda, rujuk seksyen **Menyediakan keselamatan wayarles**.

2 Bermula

2.1 Melog masuk ke GUI web

Penghala Wayarles ASUS anda menggunakan antara muka pengguna berasaskan web yang membolehkan anda untuk mengkonfigurasi penghala menggunakan sebarang penyemak imbas web seperti Internet Explorer, Firefox, Safari, atau Google Chrome.

NOTA: Ciri mungkin berbeza dengan versi perisian tegar berbeza.

Untuk log masuk ke GUI web:

1. Di penyemak imbas web anda, masukkan alamat IP lalai penghala wayarles secara manual: **192.168.1.1** atau masukkan http://router.asus.com.
2. Pada halaman log masuk, masukkan nama pengguna lalai (**admin**) dan kata laluan (**admin**).
3. Anda sekarang boleh menggunaka GUI Web untuk mengkonfigurasikan pelbagai tetapan Penghala Wayarles ASUS anda.

NOTA: Jika anda melog masuk ke dalam GUI Web buat pertama kali, anda akan diarahkan ke halaman Penyediaan Internet Pantas (QIS) secara automatik.

2.2 Persediaan Internet Cepat (QIS) dengan pengesanan auto

Ciri Persediaan Internet Cepat (QIS) membimbing anda untuk menyediakan sambungan Internet anda dengan cepat.

NOTA: Semasa menetapkan sambungan Internet buat pertam kali, tekan butang Tetap semula pada penghala wayarles anda untuk menetapkannya ke tetapan lalai kilang.

Untuk menggunakan QIS dengan pengesanan cepat:

1. Log masuk ke GUI Web. Halaman QIS ini dilancarkan secara automatik.

NOTA:

- Secara lalai, log masuk dan kata laluan nama pengguna untuk GUI Web penghala wayarles anda adalah **admin**. Untuk butiran mengenai menukar nama pengguna dan kata laluan log masuk penghala wayarles anda, rujuk bahagian **4.7.2 Sistem**.
- Nama pengguna dan kata laluan log masuk adalah berbeza daripada nama rangkaian (SSID) 2.4GHz/5GHz dan kunci keselamatan. Nama pengguna dan kata laluan log masuk penghala wayarles membolehkan anda untuk log masuk ke GUI Web penghala wayarles anda untuk mengkonfigurasikan tetapan penghala wayarles. Nama rangkaian (SSID) 2.4GHz/5GHz dan kunci keselamatan membolehkan peranti Wi-Fi log masuk dan bersambung ke rangkaian 2.4GHz/5GHz.

2. Penghala wayarles secara automatik mengesan jika jenis sambungan ISP anda adalah **Dynamic IP (IP Dinamik)**, **PPPoE**, **PPTP**, **L2TP**, dan **Static IP (IP Statik)**. Masukkan maklumat yang diperlukan untuk jenis sambungan ISP anda.

PENTING! Dapatkan maklumat yang diperlukan dari ISP anda mengenai jenis sambungan Internet.

untuk IP Automatik (DHCP)



untuk PPPoE, PPTP, dan L2TP



untuk IP Statik



NOTA:

- Auto-pengesanan jenis sambungan ISP anda berlaku apabila anda mengkonfigurasi penghala wayarles buat kali pertama atau apabila penghala wayarles anda ditetapkan kepada tetapan lalainya.
- Jika QIS gagal untuk mengesan jenis sambungan Internet anda, klik **Skip to manual setting** dan konfigurasi tetapan sambungan anda secara manual.

3. Berikan nama rangkaian (SSID) dan kunci keselamatan untuk sambungan wayarles 2.4GHz dan 5 GHz anda. Klik **Apply (Guna)** setelah selesai.



4. Tetapan Internet dan wayarles anda dipaparkan. Klik **Next (Seterusnya)**untuk meneruskannya.
5. Baca tutorial sambungan rangkaian wayarles. Apabila selesai, klik **Finish (Selesai)**.



2.3 Menyambung ke rangkaian wayarles anda

Selepas menyediakan penghala wayarles anda melaui QIS, anda boleh menyambungkan komputer anda atau peranti pintar lain ke rangkaian wayarles anda.

Untuk menyambung kepada rangkaian anda:

1. Pada komputer anda, klik ikon rangkaian dalam kawasan pemberitahuan untuk memaparkan rangkaian wayarles tersedia.
2. Pilih rangkaian wayarles yang anda ingin bersambung dengan, kemudian klik **Connect (Sambung)**.
3. Anda mungkin perlu memasukkan kunci keselamatan rangkaian untuk rangkaian wayarles yang selamat, kemudian klik **OK (OK)**.
4. Tunggu sementara komputer anda berjaya membentuk sambungan ke rangkaian wayarles. Status sambungan dipaparkan dan ikon rangkaian memaparkan status yang telah bersambung.

NOTA:

- Rujuk bab seterusnya untuk butiran lanjut mengenai mengkonfigurasi tetapan rangkaian wayarles anda.
- Rujuk manual pengguna peranti anda untuk butiran lanjut mengenai menyambungkannya ke rangkaian wayarles anda.

---

3 Mengkonfigurasi Tetapan Am

3.1 Menggunakan Peta Rangkaian

Peta Rangkaian membolehkan anda mengkonfigurasikan tetapan keselamatan anda, menguruskan klien rangkaian anda, dan memantau peranti USB anda.

3.1.1 Menyediakan keselamatan wayarles

Untuk melindungi rangkaian wayarles anda daripada akses yang tidak dibenarkan, anda perlu mengkonfigurasi tetapan keselamatan penghala anda.

Untuk menyediakan tetapan keselamatan wayarles:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke **General (Am)** > **Network Map (Peta Rangkaian)**.
2. Pada skrin Peta Rangkaian dan di bawah **System status (Status sistem)**, anda boleh mengkonfigurasikan tetapan keselamatan wayarles seperti SSID, tahap keselamatan, dan tetapan penyulitan.

NOTA: Anda boleh menyediakan beberapa tetapan keselamatan wayarles untuk jalur 2.4GHz dan 5GHz.

Tetapan keselamatan 2.4GHz



Tetapan keselamatan 5GHz



3. Pada medan **Wireless name (Nama wayarles) (SSID)**, masukkan nama unik bagi rangkaian wayarles anda.

4. Dari senarai jatuh bawah **Security Level (Tahap Keselamatan)**, pilih kaedah penyulitan untuk rangkaian wayarles anda.

PENTING! IEEE 802.11n/ac standard melarang menggunakan High Throughput (Truhput Tinggi) dengan WEP atau WPA-TKIP sebagai sifer unisiar. Jika anda menggunakan kaedah penyulitan ini, kadar data anda akan merosot kepada sambungan IEEE 802.11g 54Mbps.

5. Masukkan kunci laluan keselamatan anda.
6. Klik **Apply (Guna)** setelah selesai.

3.1.2 Menguruskan klien rangkaian anda

Untuk menguruskan klien rangkaian anda:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **General (Am)** > **Network Map (Peta Rangkaian)**
2. Pada skrin Peta Rangkaian, pilih ikon **Client Status (Status Klien)** untuk memaparkan maklumat rangkaian klien anda.
3. Untuk menyekat akses klien ke rangkaian anda, pilih klien dan klik **block (sekat)**.

3.1.3 Memantau peranti USB anda

Penghala Wayarles ASUS menyediakan dua port USB untuk menyambungkan peranti USB atau pencetak USB untuk membolehkan anda berkongsi fail dan pencetak dengan klien dalam rangkaian anda.



NOTA:

- Untuk menggunakan ciri ini, anda perlu pasang palan peranti storan USB, seperti cakera keras USB atau pemacu kilat USB, ke port USB 3.0/2.0 pada panel belakang penghala wayarles anda. Pastikan peranti storan USB diformat dan dibahagikan dengan betul. Rujuk Senarai Sokongan Cakera Plug-n-Share di **http://event.asus.com/networks/disksupport**
- Port USB menyokong dua pemacu USB atau satu pencetak dan satu pemacu USB pada masa yang sama.

PENTING! Anda perlu mencipta akaun bersama dan hak kebenaran / akses untuk membenarkan klien rangkaian lain untuk mengakses peranti USB melalui tapak FTP/utiliti klien FTP pihak ketiga, Pusat Pelayan, Samba, atau AiCloud. Untuk butiran lanjut, rujuk bahagian **3.5.Using the USB Application (Menggunakan Aplikasi USB)** dan **3.6 Using AiCloud (Menggunakan AiCloud)** dalam manual pengguna ini.

Untuk memantau peranti USB anda:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke **General (Am)** > **Network Map (Peta Rangkaian)**
2. Pada skrin Peta Rangkaian, pilih ikon **USB Disk Status (Status Cakera USB)** untuk memaparkan maklumat peranti USB anda.
3. Pada medan Wizard AiDisk, klik **GO (Pergi)** untuk menyediakan pelayan FTP untuk perkongsian fail Inernet.

NOTA:

- Untuk butiran lanjut, rujuk bahagian **3.5.2 Using Servers Center (Menggunakan Pusat Pelayan)** dalam manual pengguna ini.
- Penghala wayarles berfungsi dengan kebanyakan USB HDD/Cakera kilat (sehingga saiz 2TB) dan menyokong akses baca-tulis untuk FAT16, FAT32, NTFS dan HFS+.

Mengeluarkan cakera USB dengan selamat

PENTING: Pengeluaran tidak betul cakera USB boleh menyebabkan kerosakan data.

Untuk mengeluarkan cakera USB dengan selamat:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke **General (Am)** > **Network Map (Peta Rangkaian)**
2. Di sudut atas sebelah kanan, klik > **Eject USB disk (Lecit cakera USB)**. Apabila cakera USB berjaya dilecitkan, status USB menunjukkan **Unmounted (Nyahlekap)**.



3.2 Mencipta Rangkaian Tetamu anda

Guest Network (Rangkaian Tetamu) memberikan sambungan Internet kepada tetamu sementera melalui akses untuk mengasingkan akses SSID atau rangkaian tanpa memberikan akses kepada rangkaian peribadi anda.

NOTA: RT-AC87U menyokong sehingga enam SSID (tiga SSID 2.4GHz dan tiga SSID 5GHz).

Mencipta rangkaian tetamu anda:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke **General (Am)** > **Guest Network (Rangkaian Tetamu)**
2. Pada skrin Rangkaian Tetamu, pilih jalur frekuensi 2.4GHz atau 5GHz untuk rangkaian tetamu yang anda ingin cipta.
3. Klik **Enable (Dayakan)**.



4. Untuk mengkonfigurasi pilihan tambahan, klik **Modify (Ubah Suai)**.



5. Klik **Yes (Ya)** pada skrin **Enable Guest Network (Dayakan Rangkaian Tetamu** .
6. Untukkan nama wayarles untuk rangkaian sementara anda pada medan **Network Name (Nama Rangkaian) (SSID)**.
7. Pilih **Authentication Method (Kaedah Pengesahan)**.
8. Pilih kaedah **Encryption (Penyulitan)**.
9. Nyatakan **Access time (Masa akses)** atau klik **Limitless (Tanpa had)**.
10. Pilih **Disable (Nyahdayakan)** atau **Enable (Dayakan)** pada item **Access Intranet (Akses Intranet)**.
11. Apabila selesai, klik **Apply (Guna)**.

3.3 Menggunakan Pengurus Trafikr

3.3.1 Menguruskan Jalur Lebar QoS (Kualiti Perkhidmatan)

Ciri Quality of Service (Perkhidmatan Kualiti) membolehkan anda untuk menetapkan keutamaan jalur lebar dan menguruskan trafik rangkaian.

Untuk menyediakan keutamaan lebar jalur:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **General (Am)** > **Traffic Manager (Pengurus Trafik)** > **QoS**.
2. Klik **ON (HIDUP)** untuk mendayakan QoS. Isi medan lebar jalur muat naik dan muat turun.

NOTA: Maklumat jalur lebar anda tersedia dari ISP anda.

3. Klik **Save (Simpan)**.

NOTA: Senarai Peraturan Penentuan Pengguna adalah untuk tetapan lanjutan. Jika anda ingin mengutamakan aplikasi rangkaian khusus dan perkhidmatan rangkaian, pilih **User-defined QoS rules (Peraturan QoS bertakrif pengguna)** atau **User-defined Priority (Keutamaan Bertakrif pengguna)** dari senarai jatuh turun di sudut atas sebelah kanan.

4. Pada halaman **user-defined QoS rules (peraturan QoS bertakrif pengguna)**, terdapat empat jenis perkhidmatan dalam talian lalai – layar web, HTTPS dan pemindahan fail. Pilih perkhidmatan yang anda ingini, isi **Source IP or MAC (Sumber IP atau MAC)**, **Destination Port (Port Destinasi)**, **Protocol (Protokol)**, **Transferred (Dipindahkan)** dan **Priority (Keutamaan)**, kemudian klik **Apply (Guna)**. Makluma akan dikonfigurasikan dalam skrin peraturan QoS.

NOTA

- Untuk mengisi sumber IP atau MAC, anda boleh:

  a) Masukkan alamat IP khusus, seperti "192.168.122.1".

  b) Masukkan alamat IP di dalam satu subnet atau di dalam himpunan IP seperti "192.168.123.*", atau "192.168.*.*"

  c) Masukkan alamat IP seperti "*.*.*.*" atau biarkan medan kosong.

  d) Format untuk alamat MAC adalah enam kumpulan bagi dua digit perenambelasan, diasingkan dengan tanda titik bertindih (:), dalam turutan penghantaran (cth. 12:34:56:aa:bc:ef)

- Untuk sumber atau destinasi julat port, anda boleh :

  a) Masukkan port khusus, seperti "95".

  b) Masukkan port di dalam julat, seperti "103:315", ">100", atau "<65535".

- Lajur **Transferred (Dipindahkan)** mengandungi maklumay mengenai trafik huluan dan hiliran (trafik rangkaian keluar dan masuk) untuk satu bahagian. Dalam lajur ini, anda boleh menetapkan had trafik rangkaian (dalam KB) untuk perkhidmatan tertentu bagi menjanakan keutamaan tertentu untuk perkhidmatan diuntukkan pada port tertentu. Sebagai contoh, jika dua klien rangkaian, PC 1 dan PC 2, kedua-dua mengakses Internet (ditetapkan di port 80), tetapi PC 1 melebihi had trafik rangkaian disebabkan oleh beberapa tugasan memuat turun, PC 1 akan mempunyai keutamaan lebih rendah. Jika anda tidak mahu menetapkan had trafik, biarkannya kosong.

5. Pada halaman**User-defined Priority (Keutamaan Bertakrif pengguna)**, anda boleh mngutamakan aplikasi rangkaian atau peranti ke dalam lima bahagian daripada senarai jatuh bawah **user-defined QoS rules (Peraturan QoS bertakrif pengguna)**. Berdasarkan tahap keutamaan, anda boleh menggunakan kaedah berikut dalam menghantar paket data:
   - Menukar susunan paket rangkaian huluan yang dihantar ke Internet.
   - Di bawah jadual **Upload Bandwidth (Muat Naik Lebar Jalur)**, tetapkan **Minimum Reserved Bandwidth (Lebar Jalur Disimpan Minimum)** dan **Maximum Bandwidth Limit (Had Lebar Jalur Maksimum)** untuk aplikasi rangkaian berbilang dengan tahap keutamaan berbeza. Peratusan menunjukkan julat lebar jalur muat naik yang tersedia untuk aplikasi rangkaian yang dinyatakan.

NOTA:

- Paket keutamaan rendah diabaikan untuk memastikan penghantaran paket keutamaan tinggi.
- Di bawah jadual **Download Bandwidth (Lebar Jalur Muat Turun)**, tetapkan **Maximum Bandwidth Limit (Had Lebar Jalur Maksimum)** untuk aplikasi rangkaian berbilang dalam susunan berkaitan. Paket huluan keutamaan lebih tinggi akan mengakibatkan paket hiliran keutamaan lebih tinggi.
- Jika tiada paket dihantar daripada aplikasi keutamaan tinggi, kadar penghantaran penuh bagi sambungan Internet adalah tersedia untuk paket keutamaan rendah.

6. Tetapkan paket keutamaan tertinggi. Untuk memastikan pengalaman permainan dalam talian yang lancar, anda boleh menetapkan ACK, SYN, danICMP sebagai paket keutamaan tertinggi.

NOTA: Pastikan untuk mendayakan QoS dahulu dan menyediakan had julat muat naik dan muat turun.

3.3.2 Memantau Trafik

Fungsi memantau trafik membolehkan anda mengakses penggunaan lebar jalur dan kelajuan Internet, rangkaian terdawai, dan wayarles anda. Ia membolehkan anda memantau trafik rangkaian pada asas harian.



Nota: Paket daripada Internet dihantar dengan sekata ke peranti terdawai dan wayarles.

3.4 Menyediakan Kawalan Ibu Bapa

Kawalan Ibu Bapa membolehkan anda mengawal masa akses Internat. Pengguna boleh menetapkan had masa untuk penggunaan rangkaian klien.



Untuk menggunakan fungsi kawalan ibu bapa:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke **General (Am)** > **Parental control (Kawalan Ibu Bapa)**
2. Klik **ON (HIDUP)** untuk mendayakan Kawalan Ibu Bapa.
3. Pilih klien yang penggunaan rangkaiannya anda ingin kawal. Anda boleh juga memasukkan alamat MAC klien dalam ruang **Client MAC Address (Alamat MAC Klien)**.

NOTA: Pastikan nama klien tidak mengandungi aksara khas atau ruang kerana ini boleh menyebabkan penghala untuk berfingsi secara tidak normal.

---

4. Klik ⊕ atau ⊖ untuk menambah atau memadam profil klien.
5. Menyediakan had masa yang dibenarkan dalam peta **Time Management (Pengurusan Masa)**. Seret dan jatuhkan zon masa yang diingini untuk membolehkan penggunaan rangkaian klien.
6. Klik **OK**.
7. Klik **Apply (Guna)** untuk menyimpan tetapan.

3.5 Menggunakan Aplikasi USB

Fungsi Aplikasi USb menyediakan submenu AiDisk, Pusat Pelayan, Pelayan Pencetak Rangkaian dan Download Master.

PENTING! Untuk menggunakan fungsi pelayan ini, anda perlu memasukkan peranti storan USB, seperti cakera keras USB atau pemacu kilat USB, ke port USB 2.0 pada panel belakang penghala wayarles anda. Pastikan peranti storan USB diformat dan dibahagikan dengan betul. Rujuk tapak web ASUS di http://event.asus.com/2009/networks/disksupport/ untuk jadual sokongan sistem fail.

3.5.1 Menggunakan AiDisk

AiDisk membolehkan anda menggunakan fail yang disimpan pada peranti USB yang disambungkan melalui Internet. AiDisk juga membantu anda dengan menyediakan ASUS DDNS dan pelayan FTP.

Untuk menggunakan AiDisk:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke **General (Am)** > **USB application (Aplikasi USB)**, kemudian klik ikon **AiDisk**.
2. Daripada skrin wizard Selamat Datang AiDisk, klik **Go (Pergi)**.

3. Pilih hak akses yang anda ingin tugaskan kepada klien mengakses data dikongsi anda.



4. Mencipta nama domain anda melalui perkhidmatan ASUS DDNS, baca Terma Perkhidmatan dan pilih **I will use the service and accept the Terms of service (Saya akan menggunakan perkhidmatan dan menerima Terma Perkhidmatan)** dan masukkan nama domain anda. Apabila selesai, klik **Next (Seterusnya)**.



Anda juga boleh memilih **Skip ASUS DDNS settings (Langkau tetapan ASUS DDNS)** kemudian klik **Next (Seterusnya)** untuk melangkau tetapan DDNS.

5. Klik **Finish (Selesai)** untuk melengkapkan tetapan.
6. Untuk mengakses tapak FTP yang anda cipta, lancarkan penyemak imbas web atau utiliti klien FTP pihak ketiga dan masukkan pautan ftp (**ftp://<domain name>.asuscomm.com**) yang anda telah cipta sebelum ini.

3.5.2 Menggunakan Pusat Pelayan

Pusat Pelayan membolehkan anda berkongsi fail media daripada cakera USB melalui direktori Pelayan Media, perkhidmatan perkongsian Samba, atau perkhidmatan perkongsian FTP. Anda juga boleh mengkonfigurasi tetapan lain untuk cakera USB dalam Pusat Pelayan.

Menggunakan Pelayan Media

Penghala wayarles anda membolehkan peranti disokong DLNA untuk mengakses fail multimedia daripada cakera USB yang disambungkan ke penghala wayarles anda.

NOTA: Sebelum menggunakan fungsi Pelayan Media DLNA, sambung peranti anda ke rangkaian RT-AC87U.



Untuk melancarkan halaman tetapan Pelayan Media, pergi ke tab **General (Am)** > **USB application (Aplikasi USB)** > **Servers Center (Pusat Pelayan)** > **Media Servers (Pelayan Media)**. Rujuk ekpada yang berikut unuk huraian medan:

- **Dayakan Pelayan Media DLNA**: Pilih HIDUP/MATI untuk mendayakan / nyahdaya Pelayan Media DLNA.

  Dayakan Pelayan iTunes?: Pilih HIDUP/MATI untuk mendayakan / nyahdaya Pelayan iTunes.
- **Direktori pelayan media**: Pilih direktori pelayan media anda dan klik **Apply (Guna)** untuk berkongsi fail daripada cakera USB ke peranti media dalam rangkaian.
- **Status Pelayan Media**: Memaparkan status pelayan media.

Menggunakan perkhidmatan Kongsi Tempat Rangkaian(Samba)

Kongsi Tempat Rangkaian (Samba) membolehkan anda menyediakan akaun dan kebenaran untuk perkhidmatan Samba.



Untuk menggunakan kongsi Samba:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke **General (Am)** > **USB application (Aplikasi USB)** > **Servers Center (Pusat Pelayan)**.

NOTA: Kongsi Tempat Rangkaian (Samba) didayakan secara lalai.

2. Ikuti langkah di bawah untuk menambah, memadam, atau mengubah suai akaun.

Untuk mencipta akaun baru:

a) Klik untuk menambah akaun baru.

b) Dalam medan **Account (Akaun)** dan **Password (Kata Laluan)** , masukkan nama klien rangkaian anda. Taip semula kata laluan untuk mengesahkan. Klik **Add (Tambah)** untuk menambah akaun dalam senarai.



Untuk memadam akaun sedia ada:

a) Pilih akaun yang anda ingin padam:

b) Klik .

c) Apabila digesa, klik **Delete (Padam)** untuk mengesahkan pemadaman akaun.

Untuk menambah folder:

a) Klik .

b) Masukkan nama folder dan klik **Add (Tambah)**. Folder yang anda cipta akan ditambah ke senarai folder.

3. Daripada senarai folder, pilih jenis kebenaran akses yang anda ingin tugaskan untuk folder khusus:
   - **R/W:** Pilih pilihan ini untuk menugaskan akses baca/tulis.
   - **R:** Pilih pilihan ini untuk menugaskan akses baca sahaja.
   - **Tidak**: Pilih pilihan ini jika anda tidak mahu berkongsi folder fail khusus.
4. Klik **Apply (Guna)** untuk mengenakan perubahan.

Menggunakan perkhidmatan Kongsi FTP

Kongsi FTP mendayakan pelayan FTP untuk berkongsi fail daripada cakera USB ke peranti lain melalui rangkaian kawasan setempat anda atau melalui Internet.

PENTING:

- Pastikan anda mengeluarkan cakera USB dengan selamat. Pengeluaran tidak betul cakera USB boleh menyebabkan kerosakan data.
- Untuk mengeluarkan cakera USB dengan selamat, rujuk bahagian **Safely removing the USB disk (Mengeluarkan cakera USB dengan selamat)** di bawah **3.1.3 Monitoring your USB device (Memantau peranti USB anda)**.



Untuk menggunakan perkhidmatan Kongsi FTP:

NOTA: Pastikan anda menyediakan pelayan FTP anda melalui AiDisk. Untuk butiran lanjut, rujuk bahagian **3.5.1 Using AiDisk (Menggunakan AiDisk)**.

---

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **General (Am)** > **USB application (Aplikasi USB)** > **Servers Center (Pusat Pelayan)** > **FTP Share (Kongsi FTP)**.
2. Daripada senarai folder, pilih jenis kebenaran akses yang anda ingin tugaskan untuk folder khusus:
   - **R/W**: Pilih untuk menugaskan akses baca/tulis folder khusus.
   - **W**: Pilih untuk menugaskan akses tulis sahaja folder khusus.
   - **R**: Pilih untuk menugaskan akses baca sahaja folder khusus.
   - **Tidak**: Pilih pilihan ini jika anda tidak mahu berkongsi folder fail khusus.
3. Klik **Apply (Guna)** untuk mengesahkan perubahan.
4. Untuk mengakses pelayan FTP masukkan pautan ftp **ftp://<hostname>.asuscomm.com** dan nama pengguna dan kata laluan anda pada penyemak imbas web atau utiliti FTP pihak ketiga.

Seting pelbagai

Tetapan pelbagai membolehkan anda untuk mengkonfigurasi tetapan lain untuk cakera USB, termasuk jumlah maksimum log masuk pengguna, nama peranti, kumpulan kerja, dan set aksara digunakan pada pelayan FTP.

Untuk mengkonfigurasikan tetapan Pelbagai:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **General (Am)** > **USB application (Aplikasi USB)** > **Servers Center (Pusat Pelayan)** > **Miscellaneous setting (Tetapan pelbagai)**.



2. Konfigurasi tetapan yang berikut.
   - **Pengguna Log Masuk Maksimum**

     Tetapkan bilangan maksimum sambungan serentak Kejiranan Rangkaian atau Pelayan FTP.

NOTA: Beberapa klien FTP boleh membentuk lebih daripada satu sambungan. Menetapkan nombor ini terlalu rendah boleh menyebabkan kegagalan log masuk.

   - **Nama Peranti**

     Tugaskan nama peranti seperti yang ditunjukkan pada rangkaian. Sebagai contoh, untuk peranti dengan nama ABC, masukkan //ABC pada bar alamat Internet Explorer untuk mengakses perkhidmatan Tempat Rangkaian.

- **Kumpulan Kerja**

  Tugaskan nama rangkaian setempat RT-AC87U seperti yang dilihat dalam Kejiranan Rangkaian.

NOTA: Untuk **Device Name (Nama Peranti)** dan **Work Group (Kerja Kunpulan),** aksara input standard termasuklah huruf (a-z, A-Z), digit (0-9), ruang, aris bawah(_) tanda sempang(-). Aksara pertama dan terakhir sepatutnya tidak mengandungi sebarang jarak. Nama kumpulan kerja tak sah menjadikannya sukar untuk peranti lain mencari peranti anda dalam rangkaian.

- **Set aksara pada Pelayan FTP**

  Pilih pengekodan bersesuaian digunakan semasa pertukaran data pada pelayan FTP.

3.5.3 3G/4G

Modem USB 3G/4G boleh disambungkan ke RT-AC87U untuk membenarkan akses Inernet.

NOTA: Untuk senarai modem USB yang disahkan, sila lawati: http://event.asus.com/2009/networks/3gsupport/



Untuk menyediakan akses Internet 3G/4G:

1. Daripada panel navigasi, klik **General (Am)** > **USB application (Aplikasi USB)** > **3G/4G**.
2. Pada medan **Enable USB Modem (Dayakan Modem USB)**, pilih **Yes (Ya).**
3. Menyediakan yang berikut:
   - **Lokasi:** Pilih lokasi pembekal perkhidmatan 3G/4G anda daripada senarai jatuh bawah.
   - **ISP**: Pilih Pembekal Perkhidmatan Internet (ISP) anda daripada senarai jatuh bawah.
   - **Perkhidmatan APN (Nama Titik Akses) (pilihan)**: Hubungi pembekal perkhidmatan 3G/4G anda untuk butiran lanjut.
   - **Nombor Dail dan Kod PIN**: Nombor akses pembekal 3G/4G dan kod PIN untuk sambungan.

NOTA: Kod PIN mungkin berbeza mengikut pembekal berbeza.

   - **Nama Pengguna / Kata Laluan:** Nama pengguna dan kata laluan akan diberikan oleh pembawa rangkaian 3G/4G.
   - **Adapter USB**: Pilih adapter USB 3G / 4G daripada senarai jatuh bawah. Jika anda tidak pasti akan model adapter USB anda atau model tidak disenaraikan dalam pilihan, pilih **Auto**.
4. Klik **Apply (Guna)**.

NOTA: Penghala akan but semula untuk tetapan berkesan.

3.6 Menggunakan AiCloud

AiCloud adalah aplikasi perkhidmatan awan yang membolehkan anda menyimpan, menyegerak, berkongsi, dan mengakses fail anda.



Untuk menggunakan AiCloud:

1. Dari Google Play Store atau Apple Store, muat turun dan pasang aplikasi ASUS AiCloud ke peranti pintar anda.
2. Sambung peranti pintar ke rangkaian anda. Ikut arahan untuk melengkapan proses persediaan AiCloud .

3.6.1 Cakera Awan

Untuk mencipta cakera awan:

1. Masukkan peranti storan USB ke dalam penghala wayarles.
2. Hidupkan **Cloud Disk (Cakera Awan)**.



3. Pergi ke https://router.asus.com dan masukkan log masuk dan kata laluan akaun penghala. Untuk pengalaman yang lebih baik, kami mencadangkan anda menggunakan **Google Chrome** atau **Firefox**.



4. Anda boleh mula mengakses fail Cakera Awan pada perantu yang disambungkan kepada rangkaian.

NOTA: Semasa mengakses peranti yang bersambung ke rangkaian, anda perlu memasukkan nama pengguna dan kata laluan peranti secara manual, yang tidak akan disimpan oleh AiCloud untuk sebab keselamatan.



3.6.2 Akses Pintar

Fungsi Akses Pintar membolehkan anda untuk mengakses rangkaian rumah anda melalui nama domain penghala anda dengan mudah.



NOTA:

- Anda boleh mencipta nama domain untuk penghala anda dengan ASUS DDNS. Untuk butiran lanjut, rujuk bahagian **4.3.5 DDNS**.
- Secara lalai, AiCloud memberikan sambungan HTTPS yang selamat. Masukkan https://[yourASUSDDNSname].asuscomm.com untuk penggunaan Cakera Awan dan Akses Pintar yang sangat selamat.

3.6.3 Segerak Pintar



Unuk menggunakan Segerak Pintar:

1. Lancarkan AiCloud, klik **Smart Sync (Segerak Pintar)** > **Go (Pergi)**.
2. Pilih **ON (HIDUP)** untuk mendayakan Segerak Pintar.
3. Klik **Add new account (Tambah akaun baru)**.
4. Masukkan kata laluan akaun ASUS WebStorage anda dan pilih direktori yang anda ingin segerakkan dengan WebStorage.
5. Klik **Apply (Guna)**.

4 Mengkonfigurasikan Tetapan Lanjutan

4.1 Wayarles

4.1.1 Umum

Tab Am membolehkan anda mengkonfigurasikan tetapan wayarles asas.



Untuk mengkonfigurasi tetapan wayarles asas:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **Wireless (Wayarles)** > **General (Am)**.
2. Pilih 2.4GHz atau 5GHz sebagai jalur frekuensi untuk rangkaian wayarles anda.
3. Berikan nama unik yang mengandungi sehingga 32 aksara untuk SSID (Pengecam Set Perkhidmatan) atau nama rangkaian untuk mengenal pasti rangkaian wayarles anda. Peranti Wi-Fi boleh mengenal pasti dan menyambung ke rangkaian wayarles melalui SSID ditentukan anda. SSID pada panji maklumat dikemas kini apabila SSID baru disimpan pada tetapan.

NOTA: Anda boleh menugaskan SSID unik untuk jalur frekuensi 2.4GHz dan 5GHz.

4. Dalam medan **Hide SSID (Sembunyi SSID)**, pilih**Yes (Ya)** untuk mengelakkan peranti wayarles daripada mengesan SSID anda. Apabila fungsi ini didayakan, anda perlu memasukkan SSID secara manual pada peranti wayarles untuk mengakses rangkaian wayarles.
5. Pilih mana-mana pilihan mod wayarles ini untuk menentukan jenis peranti wayarles yang boleh bersambung ke penghala wayarles anda:

- **Auto**: Pilih **Auto** untuk membenarkan peranti 802.11AC, 802.11n, 802.11g, dan 802.11b bersambung dengan penghala wayarles.
- **Legasi**: Pilih **Legacy (Legasi)** untuk membenarkan peranti 802.11b/g/n bersambung dengan penghala wayarles. Perkakas yang menyokong 802.11n secara asalanya, walau bagaimanapun, hanya akan berjalan pada kelajuan maksimum 54Mbps.
- **N sahaja**: Pilih **N sahaja** untuk memaksimumkan prestasi wayarles N. Tetapan ini menghalang peranti 802.11g dan 802.11b daripada bersambung ke penghala wayarles.

6. Pilih saluran operasi untuk penghala wayarles anda. Pilih **Auto** untuk membolehkan penghala wayarles memilih saluran yang mempunyai jumlah yang paling kurang gangguan secara automatik.
7. Pilih mana-mana lebar jalur saluran ini untuk menyesuaikan kelajuan penghantaran yang lebih tinggi:

   40MHz: Pilih lebar jalur ini untuk memaksimumkan pemprosesan wayarles.

   20MHz (lalai): Pilih lebar jalur ini jika anda berdepan beberapa isu dengan sambungan wayarles anda.
8. Pilih mana-mana kaedah pengesahan ini:
   - **Sistem Terbuka**: Pilihan ini tidak menyediakan keselamatan.
   - **Kunci Dikongsi**: Anda perlu menggunakan penyulitan WEP dan masukkan sekurang-kurangnya satu kunci dikongsi.

- **WPA/WPA2 Peribadi/WPA Auto-Peribadi**: Pilihan ini menyediakan keselamatan yang kukuh. Anda boleh menggunakan sama ada WPA (dengan TKIP) atau WPA2 (dengan AES). Jika anda memilih pilihan ini, anda perlu menggunakan penyulitan TKIP + AES dan masukkan ungkapan laluan WPA (kunci ragkaian).
- **WPA/WPA2 Peribadi/WPA Auto-Enterprise**: Pilihan ini menyediakan keselamatan yang sangat kukuh. Ia adalah dengan pelayan EAP bersepadu atau pelayan pengesahan bahagian belakang luaran RADIUS.
- **Radius dengan 802.1x**

NOTA: Penghala wayarles anda menyokong kadar penghantaran maksimum 54Mbps apabila **Wireless Mode (Mod Wayarles)** ditetapkan ke **Auto** dan **encryption method (kaedah peyulitan)** adalah **WEP** atau **TKIP**.

---

9. Pilih mana-mana pilihan Penyulitan WEP (Privasi Berwayar Setaraf) untuk data yang dihantar melalui rangkaian wayarles anda:
   - **Mati**: Nyahdaya penyulitan WEP
   - **64-bit**: Dayakan penyulitan WEP lemah
   - **128-bit**: Mendayakan penyulitan WEP yang dipertingkatkan.
10. Apabila selesai, klik **Apply (Guna)**.

4.1.2 WPS

WPS (Persediaan Dilindungi Wi-Fi) adalah standard keselamatan wayarles yang membenarkan anda untuk menyambungkan peranti dengan mudah ke rangkaian wayarles. Anda boleh mengkonfigurasi fungsi WPS melalui kod PIN atau butang WPS.

NOTA: Memastikan bahawa peranti menyokong WPS.



Untuk mendayakan WPS pada rangkaian wayarles anda:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **Wireless (Wayarles)** > **WPS**.
2. Dalam medan **Dayakan WPS**, gerakkan gelangsar ke **HIDUP**.
3. WPS menggunakan 2.4GHz secara lalai. Jika anda ingin menukar frekuensi ke 5GHz, **OFF (MATIKAN)** fungsi WPS, klik **Switch Frequency (Tukar Frekuensi)** dalam medan **Current Frequency (Frekuensi Semasa)**, dan **ON (HIDUPKAN)** WPS sekali lagi.

NOTA: WPS menyokong pengesahan menggunakan Sistem Terbuka, WPA-Peribadi, dan WPA2-Peribadi. WPS tidak menyokong rangkaian wayarles yang menggunakan Kunci Dikunci, WPA-Enterprise, WPA2-Enterprise, dan kaedaj penyulitan RADIUS.

3. Dalam medan Kaedah WPS, pilih kod **Push Button (Butang Tolak)** atau **Client PIN (PIN Klien)**. Jika anda memilih **Push Button (Butang Tolak)**, pergi ke langkah 4. Jika anda memilih kod **Client PIN (PIN Klien)**, pergi ke langkah 5.
4. Untuk menyediakan WPS menggunakan butang penghala WPS, ikuti langkah ini:
   a. Klik **Mula** atau tekan butang WPS yang dijumpai di belakang penghala wayarles.
   b. Tekan butang WPS pada peranti wayarles anda. Ini biasanya dikenal pasti melalui logo WPS.

NOTA: Periksa peranti wayarles anda atau manual pengguna untuk lokasi butang WPS.

   c. Penghala wayarles akan mengimbas mana-mana peranti WPS tersedia. Jika penghala wayarles tidak menjumpai mana-mana peranti WPS, ia akan bertukar ke mod siap sedia.
5. Untuk menyediakan WPS menggunakan kod PIN Klien, ikuti langkah ini:
   a. Cari kod PIN WPS pada manual pengguna peranti wayarles anda atau pada peranti itu sendiri.
   b. Masukkan kod PIN Klien pada kotak teks.
   c. Klik **Start (Mula)** untuk meletakkan penghala wayarles anda ke dalam mod tinjauan WPS. Penunjuk penghala LED berkelip tiga kali dengan pantas sehingga penyediaan WPS lengkap.

4.1.3 Penghubung

Penghubung atau WDS (Sistem Pengedaran Wayarles) membolehkan penghala wayarles ASUS anda untuk bersambung ke titik akses wayarles lain secara eksklusif, mengelakkan peranti wayarles lain atau stesen untuk mengakses penghala wayarles ASUS anda. Ia juga boleh dianggap sebagai pengulang wayarles di mana penghala wayarles ASUS anda berkomunikasi dengan titik akses lain dan peranti wayarles lain.



Untuk menyediakan penghubung wayarles:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **Wireless (Wayarles)** > **Bridge (Penghubung)**.
2. Pilih jalur frekuensi untuk penghubung wayarles.
3. Dalam medan **Mod AP**, pilih mana-mana pilihan ini:
   - **AP Sahaja**: Nyahdaya fungsi Penghubung Wayarles.
   - **WDS Sahaja**: Mendayakan ciri Penghubung Wayarles tetapi menghalang peranti/stesen wayarles lain daripada bersambung ke penghala.

- **HIBRID**: Mendayakan ciri Penghubung Wayarles dan membenarkan peranti/stesen wayarles lain bersambung ke penghala.

NOTA: Dalam mod Hibrid, peranti wayarles bersambung dengan penghala wayarles ASUS hanya akan menerima separuh kelajuan sambungan Titik Akses.

4. Dalam medan **Connect to APs in list (Sambung ke AP dalam senarai)** , klik **Yes (Ya)** jika anda ingin bersambung ke Titik Akses yang disenarai dalam Senarai AP Jauh.
5. Dalam medan **Control Channel (Saluran Kawalan)**, pilih saluran operasi untuk penghubung wayarles. Pilih **Auto** untuk membolehkan penghala memilih saluran dengan jumlah yang paling kurang gangguan secara automatik.

NOTA: Ketersediaan saluran berbeza bagi setiap negara atau rantau.

6. Pada Senarai AP Jauh, masukkan alamat MAC dan klik butang **Add (Tambah)** untuk memasukkan alamat MAC Titik Akses tersedia lain.

NOTA: Mana-mana Titik Akses ditambah ke senarai perlu berada pada Saluran Kawalan yang sama seperti penghala wayarles ASUS.

7. Klik **Apply (Guna)**.

4.1.4 Penapis MAC Wayarles

Penapis MAC Wayarles memberikan kawalan ke atas paket yang dihantar ke alamat MAC (Kawalan Akses Media) yang dinyatakan pada rangkaian wayarles anda.



Untuk menyediakan penapis Wayarles MAC:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **Wireless (Wayarles)** > **Wireless MAC Filter (Penapis MAC Wayarles)**.
2. Dalam medan **Frequency (Frekuensi)**, pilih jalur frekuensi yang anda ingin guna untuk penapis MAC Wayarles.
3. Dalam senarai jatuh bawah **MAC Filter Mode (Mod Penapis MAC)**, pilih sama ada **Accept (Terima)** atau **Reject (Tolak)**.
   - Pilih **Accept (Terima)** untuk membenarkan peranti dalam senarai penapis MAC untuk mengakses rangkaian wayarles.
   - Pilih **Reject (Tolak)** untuk menghalang peranti dalam senarai penapis MAC untuk mengakses rangkaian wayarles.
4. Pada senarai penapis MAC, klik butang **Add (Tambah)** dan masukkan alamat MAC peranti wayarles.
5. Klik **Apply (Guna)**.

4.1.5 Seting RADIUS

Tetapan RADIUS (Perkhidmatan Pengguna Dail Pengesahan Jauh) memberikan lapisan tambahan keselamatan semasa anda memilih WPA-Enterprise, WPA2-Enterprise, atau Radius dengan 802.1x sebagai Mod Pengesahan anda.



Untuk menyediakan tetapan wayarles RADIUS:

1. Pastikan mod pengesahan penghala wayarles ditetapkan ke WPA-Enterprise, WPA2-Enterprise, atau Radius dengan 802.1x.

NOTA: Sila rujuk bahagian **4.1.1 General (Umum)** untuk mengkonfigurasikan Mod Pengesahan penghala wayarles anda.

---

2. Daripada panel navigasi, pergi ke **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **Wireless (Wayarles)** > **RADIUS Setting (Tetapan RADIUS)**.
3. Pilih jalur frekuensi.
4. Dalam medan **Server IP Address (Alamat IP Pelayan)**, masukkan Alamat IP pelayan RADIUS.
5. Dalam medan **Connection Secret (Rahsia Sambungan)**, tugaskan kata laluan anda untuk mengakses pelayan RADIUS.
6. Klik **Apply (Guna)**.

4.1.6 Profesional

Skrin Profesional memberikan pilihan konfigurasi lanjutan.

NOTA: Kami mengesyorkan anda menggunakan nilai lalai pada halaman ini.



Dalam skrin **Professional Settings (Tetapan Profesional)**, anda boleh mengkonfigurasikan yang berikut:

- **Frekuensi**: Pilih jalur frekuensi yang tetapan profesional akan digunakan.
- **Mendayakan Radio**: Pilih **Yes (Ya)** untuk mendayakan perangkaian wayarles. Pilih **No (Tidak)** untuk menyahdayakan perangkaian wayarles.
- **Tarikh untuk Mendayakan Radio (hari kerja)**: Anda boleh menyatakan hari kerja yang mana perangkaian wayarles didayakan.
- **Masa bagi Hari untuk Mendayakan Radio**: Anda boleh menyatakan julat masa apabila perangkaian wayarles di dayakan semasa hari kerja.

- **Tarikh untuk Mendayakan Radio (hujung minggu)**: Anda boleh menyatakan hari hujung minggu yang mana perangkaian wayarles didayakan.
- **Masa bagi Hari untuk Mendayakan Radio**: Anda boleh menyatakan julat masa apabila perangkaian wayarles di dayakan semasa hujung minggu.
- **Tetapkan pengasingan AP**: Item Tetapkan pengasingan Ap menghalang peranti wayarles pada rangkaian anda daripada berkomunikasi dengan antara satu sama lain. Ciri ini berguna jika ramai tetamu menyertai atau meninggalkan rangkaian annda secra kerap. Pilih **Yes (Ya)** untuk mendayakan ciri ini atau pilih **No (Tidak)** untuk menyahdayakan.
- **Julat Berbilang (Mbps)**: Pilih julat penghantaran multisiar atau klik **Disable (Nyahdaya)** untuk mematikan penghantaran tunggal secara serentak.
- **Jenis Mukadimah**: Jenis mukadimah mentakrifkan panjang masa yang penghala luangkan untuk CRC (Semakan Lewahan Kitar). CRC adalah kaedah mengesan ralat semasa penghantaran data. Pilih **Short (Pendek)** untuk rangkaian wayarles sibuk dengan trafik rangkaian tinggi. Pilih **Long (Panjang)** jika rangkaian wayarles anda terdiri daripada peranti wayarles lama atau legasi.
- **Ambang RTS**: Pilih nilai terendah untuk Ambang RTS (Meminta untuk Dihantar) untuk memperbaiki komunikasi wayarles dalam rangkaian wayarles sibuk atau bising dengan trafik rangkaian tinggi dan pelbagai peranti wayarles.
- **Jarak Waktu DTIM**: Jarak Waktu DTIM (Mesej Menunjukkan Lalu Lintas Penghantaran) atau Julat Data Isyarat adalah jarak masa sebelum isyarat dihantar ke peranti wayarles dalam mod tidur menunjukkan bahawa paket data menunggu penghantaran. Nilai lalai adalah tiga milisaat.
- **Jarak Waktu Isyarat**: Jarak Waktu Isyarat adalah masa antara satu DTIM dan seterusnya. Nilai lalai adalah 100 milisaat. Rendahkan nilai Jarak Waktu Isyarat untuk sambungan wayarles tidak stabil atau untuk peranti perayauan.
- **Mendayakan Pecahan TX**: Mendayakan Pecahan TX memperbaiki kelajuan penghantaran di antara penghala wayarles dan peranti 802.11g.

- **Pemajuan multisiar wayarles**: Pilih **Enable (Dayakan)** untuk membolehkan penghala wayarles memajukan trafik multisiar ke peranti wayarles lain yang menyokong multisiar. Pilih **Disable (Nyahdaya)** untuk mengelakkan penghala daripada pemajuan penghantaran multisiar.
- **Mendayakan WMM APSD**: Mendayakan WMM APSD (Penghantaran Jimat Kuasa Automatik Multimedia Wi-Fi) untuk memperbaiki pengurusan kuasa di antara peranti wayarles. Pilih **Disable (Nyahdaya)** untuk mematikan WMM APSD.
- **Pelarasan Kuasa TX**: Pelarasan Kuasa TX merujuk kepada miliWatt (mW) yang diperlukan untuk menguasakan output isyarat penghala wayarles. Masukkan nilai di antara 0 hingga 100.

NOTA: Meningkatkan nilai pelarasan Kuasa TX boleh menjejaskan kestabilan rangkaian wayarles.

4.2 LAN

4.2.1 IP LAN

Skrin IP LAN membolehkan anda mengubah suai tetapan IP LAN penghala wayarles anda.

NOTA: Apa-apa perubahan kepada alamat IP LAN akan ditunjukkan pada tetapan DHCP anda.



Untuk mengubah suai tetapan IP LAN:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **LAN** > **IP LAN**.
2. mengubah suai **IP address (alamat IP)** dan **Subnet Mask**.
3. Apabila selesai, klik **Apply (Guna)**.

4.2.2 Pelayan DHCP

Penghala wayarles anda menggunakan DHCP untuk menguntukkan alamat IP secara automaik pada rangkaian anda. Anda boleh menyatakan julat alamat IP dan masa pajakan untuk kelian pada rangkaian anda.



Untuk mengkonfigurasi pelayan DHCP:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **LAN** > **DHCP Server (Pelayan DHCP)**.
2. Dalam medan **Enable the DHCP Server (Dayakan Pelayan DHCP)**, tandakan **Yes (Ya)**.

3. Dalam kotak teks **Domain Name (Nama Domain)**, masukkan nama domain untuk penghala wayarles.
4. Dalam medan **IP Pool Starting Address (Alamat Permulaan Kumpulan IP)**, masukkan alamat IP permulaan.
5. Dalam medan **IP Pool Ending Address (Alamat Akhir Kumpulan IP)**, masukkan alamat IP akhir.
6. Dalam medan **Lease Time (Masa Pajakan)**, nyatakan dalam saat bila alamat IP yang diuntukkan akan tamat tempoh. Sebaik sahaja ia mencapai had masa ini, pelayan DHCP kemudiannya akan menguntukkan alamat IP yang baru.

NOTA:

- ASUS menyarankan agar anda menggunakan format alamat IP 192.168.1.xxx (di mana xxx boleh jadi sebarang nombor antara 2 dan 254) apabila menyatakan julat alamat IP.
- IP Pool Starting Address (Alamat Permulaan Kumpulan IP) tidak boleh melebihi Alamat Akhir Kumpulan IP).

---

7. Dalam bahagian **DNS and Server Settings (Tetapan DNS dan Pelayan)**, masukkan alamat IP Pelayan DNS dan Pelayan WINS jika diperlukan.
8. Penghala wayarles ada juga boleh menugaskan alamat IP kepada peranti pada rangkaian secara manual. Pada medan **Enable Manual Assignment (Dayakan Tugasan Manual)**, pilih **Yes (Ya)** untuk menugaskan alamat IP ke alamat MAC khusus pada rangkaian. Sehingga 32 alamat MAC boleh ditambah pada senarai DHCP untuk penugasan manual.

4.2.3 Hala

Jika rangkaian anda menggunakan lebih daripada satu penghala wayarles, anda boleh mengkonfigurasikan jadual penghalaan untuk berkongsi perkhidmatan Internet yang sama.

NOTA: Kami mengesyorkan anda tidak menukar tetapan hala lalai melainkan anda mempunyai pengetahuan lanjutan mengenai jadual penghalaan.



Untuk mengkonfigurasikan jadual Penghalaan LAN:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **LAN** > **Route (Hala)**.
2. Pada medan **Enable static route (Dayakan hala statik)**, pilih **Yes (Ya).**
3. Pada **Static Route List (Senarai Hala Statik)**, masukkan maklumat rangkaian titik akses atau nod lain. Klik butang **Add (Tambah)** atau **Delete (Padam)** untuk menambah atau membuang peranti pada senarai.
4. Klik **Apply (Guna)**.

4.2.4 IPTV

Penghala wayarles menyokong sambungan ke perkhidmatan IPTV melalui ISP atau LAN. Tab IPTV memberikan tetapan konfigurasi yang diperlukan untuk menyediakan IPTV, VoIP, multisiar, dan UDP untuk perkhidmatan anda. Hubungi ISP anda untuk maklumat khusus mengenai perkhidmatan anda.

4.3 WAN

4.3.1 Sambungan Internet

Skrin Sambungan Internet membolehkan anda mengkonfigurasikan tetapan pelbagai jenis sambungan WAN.



Untuk mengkonfigurasikan tetapan sambungan WAN:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **WAN** > **Internet Connection (Sambungan Internet)**.
2. Konfigurasi tetapan di bawah yang berikut. Apabila selesai, klik **Apply (Guna)**.

- **Jenis Sambungan WAN**: Pilih jenis Pembekal Perkhidmatan Internet anda. Pilihan adalah **Automatic IP (IP Automatik)**, **PPPoE**, **PPTP**, **L2TP** atau **fixed IP (IP tetap)**. Rujuk ISP anda jika penghala tidak boleh mendapatkan alamat IP sah atau jika anda tidak pasti jenis sambungan WAN.
- **Mendayakan WAN**: Pilih **Yes (Ya)** untuk membolehkan akses penghala Internet. Pilih **No (Tidak)** untuk mendayakan akses Internet.

- **Mendayakan NAT**: NAT (Terjemahan Alamat Rangkaian) adalah sistem di mana satu IP awam (IP WAN) digunakan untuk memberikan akses Internet ke klien rangkaian dengan alamat IP peribadi dalam LAN. Alamat IP peribadi setiap klien rangkaian disimpan dalam jadual NAT dan ia digunakan pada paket data masuk penghala.
- **Mendayakan UPnP**: UPnP (Universal Plug and Play) (Palam dan Main Universal) membenarkan beberapa peranti (seperti penghala, televisyen, sistem stereo, konsol permainan, dan telefon selular) untuk dikawal melalui rangkaian berasaskan IP dengan atau tanpa kawalan pusat melalui get laluan. UPnP menyambungkan PC semua betuk faktor, memberikan rangkaian tak berkelim untuk konfigurasi jauh dan pemindahan data. Menggunakan UPnP, peranti rangkaian baru ditemui secara automatik. Apabila bersambung ke rangkaian, peranti boleh dikonfigurasikan untuk menyokong aplikasi P2P, permainan interaktif, persidangan video, dan web atau pelayan proksi. Tidak seperti Pemajuan Port, yang melibatkan konfigurasi tetapan port secara manual, UPnP secara mengkonfigurasikan penghala secara automatik untuk menerima sambungan masuk dan mengarahkan permintaan ke PC khusus pada rangkaian setempat.
- **Menyambung kepada Pelayan DNS**: Benarkan penghala ini untuk mendapatkan alamat IP DNS daripada ISP secara automatik. DNS adalah hos pada Internet yang menterjemahkan nama Internet ke alamat IP angka.
- **Pengesahan**: Item ini mungkin ditentukan oleh beberapa ISP. Semak dengan ISP anda dan isikannya jika diperlukan.
- **Nama Hos**: Medan ini membenarkan anda untuk memberikan nama hos untuk penghala anda. Biasanya ia adalah keperluan istimewa daripada ISP anda. Jika ISP anda diberikan nama hos kepada komputer anda, masukkan nama hos di sini.

- **Alamat MAC**: Alamat MAC (Kawalan Capaian Media) adalah pengecam unik untuk peranti perangkaian anda. Beberapa ISP memantau alamat MAC peranti perangkaian yang bersambung ke perkhidmatan mereka dan menolak mana-mana peranti yang tidak dikenali yang mencuba untuk bersambung. Untuk mengelakkan isu sambungan disebabkan alamat MAC yang tidak didaftar, anda boleh:
  - Hubungi ISP anda dan kemas kini alamat MAC berkaitan dengan perkhidmatan ISP anda.
  - Klon atau menukar alamat MAC penghala wayarles ASUS untuk sepadan dengan alamat MAC peranti perangkaian sebelumnya dikenali oleh ISP.

4.3.2 Picu Port

Picu julat port membuka port masuk yang ditentukan untuk tempoh masa yang terhad apabila klien di rangkaian kawasan setempat menjadi sambungan keluar ke port yang dinyatakan. Picu port digunakan dalam senario berikut:

- Lebih daripada satu klien setempat memerlukan pemajuan port untuk aplikasi yang sama pada masa yang berbeza.
- Satu aplikasi memerlukan port masuk khusus yang berbeza daripada port keluar.



Untuk menyediakan Picu Port:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **WAN** > **Port Trigger (Picu Port)**.
2. Konfigurasi tetapan di bawah yang berikut. Apabila selesai, klik **Apply (Guna)**.

- **Mendayakan Pencetus Port**: Pilih **Yes (Ya)** untuk mendayakan Picu Port.
- **Aplikasi Yang Diketahui**: Pilih permainan dan perkhidmatan web popular untuk menambah ke Senarai Picu Port.
- **Penerangan**: Masukkan nama pendek atau huraian untuk perkhidmatan ini.

- **Port Picu**: Tentukan port picu untuk membukan port masuk.
- **Protokol**: Pilih protokol, TCP, atau UDP.
- **Port Masuk**: Nyatakan port masuk untuk menerima data masuk daripada Internet.
- **Protokol**: Pilih protokol, TCP, atau UDP.

NOTA:

- Apabila menyambung ke pelayan IRC, PC klien membuat sambungan keluar menggunakan julat port picu 66660-7000. Pelayan IRC respons dengan mengesahkan nama pengguna dan mencipta sambungan baru kepada PC klien menggunakan port masuk.
- Jika Picu Port dinyahdayakan, penghala menjatuhkan sambungan kerana ia tidak boleh menentukan PC yang mana yang meminta akses IRC. Apabila Picu Port didayakan, penghala menugaskan port masuk untuk menetapkan data masuk. Port masuk ini ditutup apabila tempoh masa khusus telah berlalu kerana penghala tidak pasti apabila aplikasi telah ditamatkan.
- Picu port hanya membenarkan satu klien dalam rangkaian menggunakan perkhidmatan tertentu dan port masuk khusus pada masa yang sama.
- Anda tidak boleh menggunakan aplikasi yang sama untuk memicu port dalam lebih daripada satu PC pada masa yang sama. Penghala hanya memajukan port semula ke komputer terakhir yang menghantar permintaan/picu penghala.

4.3.3 Pelayan Maya/Pemajuan Port

Pemajuan por adalah kaedah untuk menghala trafik rangkaian dari Internet ke port khusus atau julat port khusus ke satu peranti atau beberapa peranti pada rangkaian tempatan anda. Menyediakan Pemajuan Port pada penghala anda membenarkan PC di luar rangkaian untuk mengakses perkhidmatan khusus yang diberikan oleh PC dalam rangkaian anda.

NOTA: Apabila pemajuan port dinyahdayakan, penghala ASUS menyekat trafik masuk tanpa diminta dari Internet dan hanya membenarkan balasan daripada permintaan luar daripada LAN. Klien rangkaian tidak mempunyai akses kepada Internet secara langsung, dan sebaliknya.



Untuk menyediakan Pemajuan Port:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **WAN** > **Virtual Server / Port Forwarding (Pelayan Maya / Pemajuan Port)**.

2. Konfigurasi tetapan di bawah yang berikut. Apabila selesai, klik **Apply (Guna)**.

- **Dayakan Pemajuan Port**: Pilih **Yes (Ya)** untuk mendayakan Pemajuan Port.
- **Senarai Pelayan Terkenal**: Tentukan jenis perkhidmatan yang manakah yang anda ingin akses.
- **Senarai Permainan Terkenal**: Item ini menyenaraikan port yang diperlukan untuk permainan dalam talian popular untuk berfungsi dengan betul.
- **Port Pelayan FTP**: Elakkan menugaskan julat port 20:21 pelayan FTP anda kerana ini akan bercanggah dengan tugasan pelayan FTP asal penghala.
- **Nama Perkhidmatan**: Masukkan nama perkhidmatan.
- **Julat Port**: Jika anda mahu menentukan Liputan Port untuk klien pada rangkaian yang sama, masukkan Nama Perkhidmatan, Liputan Port (cth. 10200:10300), alamat IP LAN dan biarkan Port Setempat kosong. Liputan port menerima pelbagai format seperti Liputan Port (300:350), port individu (566,789) atau Campuran (1015:1024,3021).

NOTA:

- Apabila tembok api rangkaian anda dinyahdayakan dan anda menetapkan 80 sebagai julat port pelayan HTTP untuk penyediaan WAN anda, kemudian pelayan http/pelayan web akan bercanggah dengan antara muka pengguna web penghala.
- Rangkaian menggunakan port untuk menukar data, dengan setiap port ditugaskan nombor port dan tugasan khusus. Sebagai contoh, port 80 digunakan untuk HTTP. Port khusus hanya boleh digunakan oleh satu aplikasi aau perkhidmatan pada satu masa. Oleh itu, dua PC mencuba untuk mengakses data melalui port yang sama pada masa yang sama akan gagal. Sebagai contoh, anda tidak boleh menyediakan Pemajuan Port untuk port 100 untuk dua PC pada masa yang sama.

- **IP Tempatan**: Masukkan alamat IP LAN klien.

NOTA: Gunakan alamat IP statik untuk klien setempat untuk menjadikan pemajuan port berfungsi dengan baik. Rujuk bahagian **4.2 LAN** untuk maklumat.

- **Port Setempat**: Masukkan port khusus untuk menerima paket yang dimajukan. Biarkan medan ini kosong jika anda mahu paket masuk dihalakan semula ke julat port yang dinyatakan.
- **Protokol**: Pilih protokol. Jika anda tidak pasti, pilih **KEDUA-DUANYA**.

Untuk memeriksa jika Pemajuan Port telah berjaya dikonfigurasi:

- Pastikan pelayan atau aplikasi anda disediakan dan berjalan.
- Anda memerlukan klien di luar LAN anda tetapi mempunyai akses Internet (dirujuk sebagai "Klien Internet"). Klien ini tidak boleh disambungkan ke penghala ASUS.
- Pada klien Internet, gunakan IP WAN penghala untuk mengakses pelayan. Jika pemajuan port telah berjaya, anda boleh mengakses fail atau aplikasi.

Perbezaan antara picu port dan pemajuan port:

- Picu port akan berfungsi walaupun tanpa menyediakan alamat IP LAN khusus. Tidak seperti pemajuan port, yang memerlukanalamat IP LAN statik, picu port membolehkan pemajuan port dinamik menggunakan penghala. Julat port yang telah ditetapkan dikonfigurasikan untuk menerima sambungan masuk untuk tempoh masa terhad. Picu port membolehkan berbilang komputer untuk menjalankan aplikasi yang biasanya memerlukan pemajuan secara manual port yang sama ke setiap PC pada rangkaian.
- Picu port adalah lebih selamat daripada pemajuan port memandangkan port masuk tidak dibuka pada setiap masa. Ia dibuka hanya apabila aplikasi membuat sambungan keluar melalui port picu.

4.3.4 DMZ

DMZ Maya mendedahkan satu klien ke Internet, membolehkan klien ini menerima semua paket masuk diarahkan ke Rangkaian Kawasan Setempat.

Trafik masuk dari Internet biasanya dibuang dan dihalakan ke klien tertentu hanya jika pemajuan port atau picu port telah dikonfigurasikan pada rangkaian. Dalam konfigurasi DMZ, satu klien rangkaian menerima semua paket masuk.

Meyediakan DMZ pada rangkaian adalah berguna bila anda memerlukan port masuk terbuka atau anda ingin mengehos domain, web, atau pelayan e-mel.

Perhatian: Membuka semua port pada klien ke Internet menjadikan ragkaian rentan kepada serangan luar. Sila berjaga-jaga akan risiko keselamatan yang terlibat dalam menggunakan DMZ.

Untuk menyediakan DMZ:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **WAN** > **DMZ**.
2. Konfigurasi tetapan di bawah. Apabila selesai, klik **Apply (Guna)**.

- **Alamat IP bagi Stesen Terdedah:** Masukkan alamat IP LAN klien yang akan menyediakan perkhidmatan DMZ dan terdedah pada Internet. Pastikan klienn pelayan mempunyai alamat IP statik.

Untuk membuang DMZ:

1. Padam alamat IP LAN klien dari kotak teks **IP Address of Exposed Station (Alamat IP Stesen Terdedah)**.
2. Apabila selesai, klik **Apply (Guna)**.

4.3.5 DDNS

Menyediakan DDNS (DNS Dinamik) membolehkan anda mengakses penghala daripada luar rangkaian anda melalui Perkhidmatan DDNS ASUS atau perkhidmatan DDNS lain.



Untuk menyediakan DDNS:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **WAN** > **DDNS**.
2. Konfigurasi tetapan di bawah yang berikut. Apabila selesai, klik **Apply (Guna)**.
   - **Mendayakan Klien DDNS**: Dayakan DDNS untuk mengakses penghala ASUS melalui nama DNS dan bukannya alamat IP WAN.
   - **Pelayan dan Nama Hos**: Pilih DDNS ASUS atau DDNS lain. Jika anda ingin menggunakan DDNS ASUS, isi Nam Hos dalam format xxx.asuscomm.com (xxx adalah nama hos anda).
   - Jika anda ingin menggunakan perkhidmatan DDNS berbeza, klik CUBAAN PERCUMA dan mendaftar dalam talian dahulu. Isi Nama Pengguna atau Alamat E-mel dan Kata Laluan atau medan Kunci DDNS.

- **Mendayakan kad bebas**: Dayakan kad bebas jika perkhidmatan DDNS anda memerlukan satu.

NOTA:

Perkhidmatan DDNS tidak akan berfungsi di bawah keadaan ini:

- Apabila penghala wayarles menggunakan alamat peribadi IP WAN (192.168.x.x, 10.x.x.x, atau 172.16.x.x), seperti yang ditunjukkan oleh teks berwarna kuning.
- Penghala mungkin berada pada rangkaian yang menggunakan jadual NAT berbilang.

4.3.6 Masuk Lalu NAT

Masuk Lalu NAT membolehkan sambungan Rangkaian Peribadi Maya (VPN) untuk melalui penghala ke klien rangkaian. Masuk Lalu PPTP, Masuk Lalu L2TP, Masuk Lalu IPsec dan Masuk Lalu RTSP didayakan secara lalai.

Untuk mendayakan / nyahdaya tetapan Masuk Lalu NAT, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **WAN** > **NAT Passthrough (Masuk Lalu NAT)**. Apabila selesai, klik **Apply (Guna)**.



4.4 IPv6

Penghala wayarles ini menyokong pengalamatan IPv6, sistem yang menyokong lebih alamat IP. Standard ini belum lagi tersedia secara meluas. Hubungi ISP anda jika perkhidmatan Internet anda menyokong IPv6.



Untuk menyediakan IPv6:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **IPv6**.
2. Pilih **Connection Type (Jenis Sambungan)** anda. Pilih konfigurasi berbeza bergantung pada jenis sambungan terpilih anda.
3. Masukkan tetapan IPv6 LAN dan DNS anda.
4. Klik **Apply (Guna)**.

NOTA: Sila rujuk ISP anda berkenaan maklumat khusus IPv6 untuk perkhidmatan Internet anda.

4.5 Pelayan VPN

VPN (Rangkaian Peribadi Maya) memberikan komunikasi selama ke komputer jauh atau rangkaian jauh menggunakan rangkaian umum seperti Internet.

NOTA: Sebelum menyediaka sambungan VPN, anda memerlukan alamat IP atau nama domain pelayan VPN yang anda ingin akses.



Untuk menyediakan akses ke pelayan VPN:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **VPN Server (Pelayan VPN)**.
2. Pada medan Dayakan Pelayan PPTP, pilih **Yes (Ya)**.
3. Pada medan Sokongan Tempat Rangkaian (Samba), pilih **Yes (Ya)**.
4. Masukkan nama pengguna dan kata laluan untuk mengakses pelayan VPN. Klik butang .
5. Klik **Apply (Guna)**.

NOTA: Untuk tetapan pelayan VPN lanjutan, klik tab **VPN Server (Pelayan VPN)** untuk mengkonfigurasikan sokongan penyiaran, pengesahan, Penyulitan MPPE, dan julat alamat IP Klien.

4.6 Tembok Api

Penghala wayarles boleh menjadi tembok api perkakas untuk rangkaian anda.

NOTA: Ciri Tembok Api didayakan secara lalai.

4.6.1 Umum

Untuk menyediakan tetapan Tembok Api asas:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **Firewall (Tembok Api)** > **General (Am)**.
2. Pada medan **Enable Firewall (Dayakan Tembok Api)**, pilih **Yes (Ya).**
3. Pada perlindungan **Enable DoS (Dayakan DoS)**, pilih **Yes (Ya)** untuk melindungi rangkaian anda daripada serangan DoS (Nafi Khidmat) walaupun ini mungkin menjejaskan prestasi penghala anda.
4. Anda juga boleh memantau pertukaran paket antara sambungan LAN dan WAN. Pada Jenis paket yang dilog, pilih **Dropped (Digugurkan)**, **Accepted (Diterima)**, atau **Both (Kedua-duanya)**.
5. Klik **Apply (Guna)**.

4.6.2 Penapis URL

Anda boleh menentukan kata kerja atau alamat web untuk mengelakkan akses ke URL tertentu.

NOTA: Penapis URL adalah berdasarkan pertanyaan DNS. Jika klien rangkaian telah mengakses tapak web seperti http://www.abcxxx.com, maka tapak web tidak akan disekat (cache DNS dakan sistem menyimpan tapak web yang dilawati sebelum ini). Untuk menyelesaikan isu ini, kososngkan cache DNS sebelum menyediakan Penapis URL.

Untuk menyediakan penapis URL:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **Firewall (Tembok Api)** > **URL Filter (Penapis URL)**.
2. Pada medan Dayakan Penapis URL, pilih **Enabled (Didayakan)**.
3. Masukkan URL dan klik butang .
4. Klik **Apply (Guna)**.

4.6.3 Penapis kata kunci

Penapis kata kunci menyekat akses ke laman web mengandungi kata kunci yang dinyatakan.



Untuk menyediakan penapis kata kunci:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **Firewall (Tembok Api)** > **Keyword Filter (Penapis Kata Kunci)**.
2. Pada medan Dayakan Penapis Kata Kunci, pilih **Enabled (Didayakan)**.

3. Masukkan perkataan atau frasa dan klik butang **Add (Tambah)**.
4. Klik **Apply (Guna)**.

NOTA:

- Penapis Kata Kunci adalah berdasarkan pertanyaan DNS. Jika klien rangkaian telah mengakses tapak web seperti http://www.abcxxx.com, maka tapak web tidak akan disekat (cache DNS dakan sistem menyimpan tapak web yang dilawati sebelum ini). Untuk menyelesaikan isu ini, kososngkan cache DNS sebelum menyediakan Penapis Kata Kunci.
- Laman web termampat menggunakan pemampatan HTTP tidak boleh ditapis. Halaman HTTPS juga tidak boleh disekat menggunakan penapis kata kunci.

4.6.4 Penapis Perkhidmatan Rangkaian

Penapis Perkhidmatan Rangkaian menyekat pertukaran paket LAN ke WAN dan mengehadkan klien rangkaian daripada mengakses perkhidmatan web khusus seperti Telnet atau FTP.

Untuk menyediakan penapis Perkhidmatan Rangkaian:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **Firewall (Tembok Api)** > **Network Service Filter (Penapis Perkhidmatan Rangkaian**.
2. Pada medan Dayakan Penapis Perkhidmatan Rangkaian, pilih **Yes (Ya)**.
3. Pilih jenis jadual Penapis. **Black List (Senarai Hitam)** menyekat perkhidmatan rangkaian yang ditentukan. **White List (Senarai Putih)** mengehadkan akses hanya ke perkhidmatan rangkaian yang ditentukan.
4. Nyatakan hari dan masa apabila penapis akan diaktifkan.
5. Untuk menentukan Perkhidmatan Rangkaian untuk menapis, masukkan IP Sumber, IP Destinasi, Liputan Port, dan Protokol. Klik butang .
6. Klik **Apply (Guna)**.

4.7 Pentadbiran

4.7.1 Mod Operasi

Halaman Mod Operasi membolehkan anda memilih mod bersesuaian untuk rangkaian anda.



Untuk menyediakan mod operasi:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **Administration (Pentadbiran)** > **Operation Mode (Mod Operasi)**.
2. Pilih mana-mana mod operasi ini:
   - **Mod penghala wayarles (lalai)**: Dalam mod penghala wayarles, penghala wayarles menyambung ka Intternet dan menyediakan akses Internet ke peranti tersedia pada rangkaian setempat sendiri.
   - **Media Bridge (Penghubung Media)**: Penyediaan ini memerlukan dua penghala wayarles. Penghala kedua berfungsi sebagai penghubung media di mana peranti berbilang seperti Smart TV dan konsol permainan boleh disambungkan melalui ethernet.
   - **Access Point mode (Mod Titik Akses)**: Dalam mod ini, penghalan mencipta rangkaian wayarles baru pada rangkaian sedia ada.
3. Klik **Apply (Guna)**.

NOTA: Penghalan ini akan but semula bila anda menukar mod.

4.7.2 Sistem

Halaman **System (Sistem)** membolehkan anda mengkonfigurasikan tetapan penghala anda.

Untuk menyediakan tetapan Sistem:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **Administration (Pentadbiran)** > **System (Sistem)**.
2. Anda boleh mengkonfigurasi tetapan berikut:
   - **Ubah kata laluan log masuk penghala**: Anda boleh menukar kata laluan dan nama log masuk penghala wayarles dengan memasukkan nama dan kata laluan baru.
   - **Kelakuan butang WPS**: Butang fizikal WPS pada penghala wayarles boleh digunakan untuk mengaktifkan WPS.
   - **Zon Masa**: Pilih zon masa rangkaian anda.
   - **Pelayan NTP**: Penghala wayarles boleh mengakses pelayan NTP (Protokol Masa Rangkaian) untuk menyegerakkan masa.
   - **Dayakan Telnet**: Klik **Yes (Ya)** untuk mendayakan perkhidmatan Telnet pada rangkaian. Klik **No (Tidak)** untuk menyahdayakan Telnet.
   - **Kaedah Pengesahan**: Anda boleh memilih HTTP, HTTPS, atau kedua-dua protokol untuk menjamin akses penghala.
   - **Dayakan Akses Web daripada WAN**: Pilih **Yes (Ya)** untuk membolehkan peranti di luar rangkaian untuk mengakses tetapan GUI penghala wayarles. Pilih **No (Tidak)** untuk menghalang akses.
   - **Hanya benarkan IP tertentu**: Klik **Yes (Ya)** jika anda ingin menentukan alamat IP peranti yang dibenarkan mengakses tetapan GUI penghala wayarles daripada WAN.
   - **Senarai Klien**: Masukkan alamat IP WAN peranti perangkaian dibenarkan untuk mengakses tetapan penghala wayarles. Senarai ini akan digunakan jika anda mengklik **Yes (Ya)** dalam item **Only allow specific IP (Hanya benarkan IP tertentu)**.
3. Klik **Apply (Guna)**.

4.7.3 Menatarkan perisian tegar

NOTA: Muat turun perisian tegar terkini dari laman web ASUS di **http://support.asus.com**

Untuk menatarkan perisian tegar:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **Administration (Pentadbiran)** > **Firmware Upgrade (Naik Taraf Perisian Tegar)**.
2. Dalam item **New Firmware File (Fail Perisian Tegar baru)**, klik **Browse (Semak Imbas)**. Navigasi ke fail perisian tegar yang dimuat turun.
3. Klik **Upload (Muat naik)**.

NOTA:

- Apabila proses naik taraf selesai, tunggu seketika untuk sistem but semula.
- Jika proses penataran gagal, penghala wayarles secara automatik memasuki mod menyelamat dan penunjuk kuasa LED di panel depan mula berkelip-kelip secara perlahan. Untuk mendapatkan semula atau memulihkan sistem, gunakan utiliti **5.2 Firmware Restoration (Pemulihan Perisian Tegar)**.

4.7.4 Tetapan Pemulihan/Penyimpanan/Memuat Naik

Untuk memulihkan/menyimpan/memuat naik tetapan penghala wayarles:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke tab **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **Administration (Pentadbiran)** > **Restore/Save/Upload Setting (Tetapan Pemulihan/Simpan/Muat Naik)**.
2. Pilih tugasan yang anda ingin lakukan:
   - Untuk memulihkan tetapan kilang lalai, klik **Restore (Pulihkan)**, dan klik **OK** apabila diminta.
   - Untuk menyimpan tetapan sistem semasa, klik **Save (Simpan)**, navigasi ke folder di mana anda berhasrat untuk menyimpan fail dan klik **Save (Simpan)**.
   - Untuk memulihkan fail tetapan sistem yang disimpan, klik **Browse (Semak Imbas)** untuk mencari fail anda, kemudian klik **Upload (Muat naik)**.

Jika isu berlaku, muat naik versi perisian tegar terkini dan konfigurasi tetapan baru. Jangan pulihkan penghalan ke tetapan lalai.

4.8 Log Sistem

Log Sistem mengandungi aktiviti rangkaian terakam anda.

NOTA: Log sistem menetap semula apabila penghala dibut semula atau dimatikan.

Untuk melihat log sistem anda:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke **Advanced Settings (Tetapan Lanjutan)** > **System Log (Log Sistem)**.
2. Anda boleh melihat aktiviti rangkaian anda dalam mana-mana tab ini:
   - Log Am
   - Pajakan DHCP
   - Log Wayarles
   - Pemajuan Port
   - Jadual Penghalaan



5 Utiliti

NOTA:

- Muat turun dan pasangkan utiliti penghala wayarles daripada laman web ASUS:
  - Penemuan Peranti v1.4.7.1 di http://dlcdnet.asus.com/pub/ASUS/LiveUpdate/Release/Wireless/Discovery.zip
  - Pemulihan Semula Perisian Tegar v1.9.0.4 di http://dlcdnet.asus.com/pub/ASUS/LiveUpdate/Release/Wireless/Rescue.zip
  - Utiliti Pencetak Windows v1.0.5.5 di http://dlcdnet.asus.com/pub/ASUS/LiveUpdate/Release/Wireless/Printer.zip
- Utiliti tidak disokong pada MAC OS.

5.1 Penemuan Peranti

Device Discovery (Penemuan Peranti) adalah utliti ASUS WLAN yang mengesan sebarang penghala wayarles ASUS yang tersedia pada rangkaian dan membolehkan anda untuk mengkonfigurasi peranti tersebut.

Untuk melancarkan utliti Device Discovery (Penemuan Peranti):

- Klik **Start (Mula) > All Programs (Semua Program) > ASUS Utility (Utiliti ASUS) > RT-AC87U Wireless Router (Penghala Wayarles RT-AC87U) > Device Discovery (Penemuan Peranti)**.

NOTA: Apabila anda menetapkan penghala kepada mod Titik Akses, anda perlu menggunakan Device Discovery (Penemuan Peranti) untuk mendapatkan alamat IP penghala.

5.2 Pemulihan Perisian Tegar

Firmware Restoration (Pemulihan Perisian Tegar) digunakan pada Penghala Wayarles ASIS selepas penataran perisian tegar yang gagal dijalankan. Utiliti ini memuat naik fail perisian tegar ke penghala wayarles. Proses ini mengambil masa kira-kira tiga hingga empat minit.



PENTING: Lancarkan mod menyelamat sebelum menggunakan utiliti Firmware Restoration (Pemulihan Perisian Tegar).

NOTA: Ciri ini tidak disokong pada MAC OS.

Untuk melancarkan mod menyelamat dan menggunakan utiliti Firmware Restoration (Pemulihan Perisian Tegar):

1. Cabut keluar palam penghala wayarles dari sumber kuasanya.
2. Sambil menekan terus butang Reset (Tetap semula) di bahagian belakang penghala wayarles, pasangkan penghala wayarles ke dalam sumber kuasa. Lepasakan butang Reset (Tetap semula) apabila Power LED (LED Kuasa) di panel hadapan mula berkelip dengan perlahan, yang menandakan bahawa penghala wayarles berada dalam mod menyelamat.

3. Tetapkan IP statik pada komputer anda dan gunakan yang berikut untuk menyediakan tetapan TCP/IP anda:

   Alamat IP: 192.168.1.x

   Subnet mask: 255.255.255.0

4. Dari desktop komputer anda, klik **Start (Mulakan) > All Programs (Semua Atur cara) > ASUS Utility (Utiliti ASUS) > RT-AC87U Wireless Router (Penghala Wayarles RT-AC87U) > Firmware Restoration (Pemulihan Perisian Tegar)**.

5. Untuk menavigasi ke fail perisian tegar, kemudian klik **Upload (Muat naik)**.

NOTA: Utiliti Firmware Restoration (Pemulihan Perisian Tegar) tidak digunakan untuk menatarkan perisian tegar bagi Pengha Wayarles ASUS yang berfungsi. Perisian tegar biasa menatarkan apa yang perlu dilakukan melalui GUI web, Rujuk **Upgrading the firmware (Menatarkan perisian tegar)** untuk mendapatkan butiran yang lebih lanjut.

5.3 Menyediakan pelayan pencetak anda

5.3.1 ASUS EZ Printer Sharing

Utiliti ASUS EZ Printing Sharing membolehkan anda menyambung pencetak USB ke port USB penghala wayarles anda dan menyediakan pelayan pencetak. Ini membolehkan klien rangkaian anda mencetak dan mengimbas fail secara tanpa wayar.



NOTA: Fungsi pelayan pencetak disokong pada Windows® XP, Windows® Vista, dan Windows® 7.

Untuk menyediakan mod perkongsian EZ Printer:

1. Daripada panel navigasi, pergi ke **General (Am)** > **USB Application (Aplikasi USB)** > **Network Printer Server (Rangkaian Pelayan Pencetak)**.
2. Klik **Download Now! (Muat Turun Sekarang!)** untuk memuat turun utiliti rangkaian pencetak.



NOTA: Utiliti rangkaian pencetak disokong pada Windows® XP, Windows® Vista, dan Windows® 7 sahaja. Untuk memasang utiliti pada Mac OS, pilih **Use LPR protocol for sharing printer (Guna protokol LPR untuk perkongsian pencetak)**.

3. Nyahzip fail yang dimuat turun dan klik ikon Pencetak untuk menjalankan program penyediaan rangkaian pencetak.





4. Ikuti arahan pada skrin untuk menyediakan perkakas anda, kemudian klik **Next (Seterusnya)**.



5. Tunggu beberapa minit untuk penyediaan pemulaan selesai. Klik **Next (Seterusnya)**.
6. Klik **Finish (Selesai)** untuk melengkapkan pemasangan.

7. Ikuti arahan OS Windows® untuk memasang pemacu pencetak.

8. Selepas pemasangan pemacu pencetak selesai, klien rangkaian boleh menggunakan pencetak.



5.3.2 Menggunaka LPR untuk Berkongsi Pencetak

Anda boleh berkongsi pencetak anda dengan komputer yang berjalan pada sistem operasi Windows® dan MAC menggunakan LPR/LPD (Kawalan Jauh Talian Pencetak/Daemon Talian Pencetak).

Berkongsi pencetak LPR anda

Untuk berkongsi pencetak LPR anda:

1. Dari desktop Windows®, klik **Start (Mula)** > **Devices and Printers (Peranti dan Pencetak)** > **Add a printer (Tambah Pecetak)** untuk menjalankan **Add Printer Wizard (Wizard Tambah Pencetak)**.



2. Pilih **Add a local printer (Tambah pencetak setempat)** dan kemudian klik **Next (Seterusnya)**.



3. Pilih **Create a new port (Cipta port baru)** kemudian tetapkan **Type of Port (Jenis Port)** untuk **Standard TCP/IP Port (TCP/ Port IP Standard)**. Klik **New Port (Port Baru)**.



4. Dalam medan **Hostname or IP address (Nama hos atau alamat IP)**, masukkan alama IP penghala wayarles kemudian klik **Next (Seterusnya)**.



5. Pilih **Custom (Tersuai)** kemudian klik **Settings (Tetapan)**.



6. Tetapkan **Protocol (Protokol)** ke **LPR**. Dalam medan **Queue Name (Nama Baris)**, masukkan **LPRServer** kemudian klik **OK** untuk meneruskan.



7. Klik **Next (Seterusnya)** untuk menyelesaikan menyediakan port TCP/IP standard.



8. Pasang pemacu pencetak dari senarai model vendor. Jika pencetak anda tiada dalam senarai, klik **Have Disk (Ada Cakera)** untuk memasang pemacu pencetak secara manual daripada CD-ROM atau fail.



9. Klik **Next (Seterusnya)** untuk menerima nama lalai pencetak.



10. Klik **Finish (Selesai)** untuk melengkapkan pemasangan.



5.4 Download Master

Download Master adalah utiliti yang membantu anda memuat turun fail walaupun semasa komputer riba atau peranti lain anda dimatikan.

NOTA: Anda memerlukan peranti USB yang disambungkan ke penghala wayarles untuk menggunakan Download Master.

Untuk menggunakan Download Master:

1. Klik **General (Am)** > **USB application (Aplikasi USB)** > **Download Master** untuk memuat turun dan memasang utiliti secara automatik.

NOTA: Jika anda mempunyai lebih daripada satu peranti USB, pilih peranti USB yang anda ingin memuat turun fail.

2. Selepas proses muat turun selesai, klik ikon Download Master untuk mula menggunakan utiliti.
3. Klik **Add (Tambah)** untuk menambah tugasan muat turun.



4. Pilih jenis muat turun seperti BitTorrent, HTTP, atau FTP. Sediakan fail torrent atau URL untuk mula memuat turun.

NOTA: Untuk butiran mengenai Bit Torrent, rujuk bahagian **5.4.1 Configuring the Bit Torrent download settings (Mengkonfigurasikan tetapan muat turun Bit Torrent**.

5. Gunakan panel navigasi untuk mengkonfigurasikan tetapan lanjutan.



5.4.1 Mengkofigurasikan tetapan muat turun Bit Torrent



Untuk mengkonfigurasikan tetapan muat turun BitTorrent:

1. Dari panel navigasi Download Master, klik **Bit Torrent** untuk melancarkan halaman **Bit Torrent Setting (Tetapan Bi Torrent)**.
2. Pilih port khusus untuk tugasan muat turun anda.
3. Untuk mengelakkan kesesakan rangkaian, anda boleh mengehadkan kelajuan muat naik dan muat turun maksimum di bawah **Speed Limits (Had Kelajuan)**.
4. Anda boleh mengehadkan jumlah maksimum rakan yang dibenarkan dan dayakan atau nyahdayakan penyulitan fail semasa muat turun.

5.4.2 Tetapan NZB

Anda boleh menyediakan pelayan USENET untuk memuat turun fail NZB. Selepas memasukkan tetapan USENET, **Apply (Guna)**.



6 Menyelesai Masalah
